



ISLAMIC SAVIOUR OBEDIENCE



مَسْجِدُ تَلُوكِ مَنَعُوكِن
MASJID TELOK MENEGON
KLANG

GARIS PANDUAN PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID TELOK MENEGON KLANG

1. NAMA

- 1.1.1 Dikenali sebagai **PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID TELOK MENEGON KLANG**. Selepas ini disebut Pertubuhan.

2. PENDAFTARAN DAN TEMPAT URUSAN

- 2.1.1 Pendaftaran pertubuhan ini di bawah Masjid Telok Menegon dan tempat urusan persatuan serta alamat surat menyurat adalah

MASJID TELOK MENEGON, BATU 3 JALAN KOTA RAJA, KAMPUNG TELOK MENEGON, SEKSYEN 36, 40470, SHAH ALAM, SELANGOR

3. MATLAMAT

- 3.1.1 Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah bila berlaku kematian keatas ahli atau tanggungan ahli dengan kadar yang segera.
- 3.1.2 Menyediakan peluang kepada ahli kariah untuk sama-sama menyumbang sebagai amalan kebajikan dengan cara membantu saudara seagama yang memerlukan bantuan bila ditimpa musibah kematian.
- 3.1.3 Mengurus dan mengumpul wang tabung dengan berkesan dan mengeluarkan wang tabung kepada pihak berkenaan dengan kadar segera.

4. KEAHLIAN

- 4.1.1 Terbuka kepada warganegara yang beragama islam yang tinggal di dalam kariah Masjid Telok Menegon Klang iaitu **yang berdaftar sebagai ahli kariah sama ada penduduk tetap ataupun penyewa dan tiada had umur**.
- 4.1.2 Setiap permohonan yang telah diluluskan berdasarkan 4.1.1 hendaklah membayar yuran pendaftaran seperti yang telah ditetapkan dan akan diterima menjadi ahli pertubuhan.
- 4.1.3 Sekiranya ahli pertubuhan meninggal dunia, **secara automatik manfaat kepada ahli tanggungannya terbatal . Oleh itu waris perlu mendaftar semula kepada pihak pertubuhan sekiranya mahu meneruskan keahlian**.
- 4.1.4 Definisi **ahli tanggungan adalah suami/isteri,anak kandung yang belum berkahwin yang tinggal bersama dan berumur kurang dari 25 tahun atau anak yang dalam jagaan seumur hidup dan ibu atau bapa yang tinggal bersama**.
- 4.1.5 Mesyuarat berhak menolak suatu permohonan untuk menjadi ahli pertubuhan sekiranya tidak mengisi borang dengan lengkap.

5. YURAN PENDAFTARAN

- 5.1.1 Setiap ahli baharu hendaklah membayar yuran pendaftaran sebanyak **RM 50.00** sahaja
- 5.1.2 Pembayaran yuran akan digunakan bagi membeli segala kelengkapan pengurusan jenazah, membayar bil-bil yang berkaitan dengan urusan jenazah, seliaan tanah perkuburan dan perbelanjaan pihak pentadbiran sahaja.
- 5.1.3 Bayaran yuran pendaftaran boleh dijelaskan kepada Bendahari sebanyak **RM 50.00** selepas permohonan menjadi ahli diterima.

6. YURAN TAHUNAN

- 6.1.1 Setiap ahli dikenakan yuran tahunan sebanyak **RM 120.00** sahaja dan hendaklah dibayar sebelum memasuki tahun tersebut
- 6.1.2 Segala wang keahlian dan lain-lain sumber pendapatan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun pertubuhan.

7. LUCUT KEAHLIAN

- 7.1.1 Ahli yang sengaja melanggar garis panduan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemar nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa (AJK) Pertubuhan .
- 7.1.2 Ahli-ahli yang hendak berhenti daripada pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis **2 minggu** terlebih dahulu kepada Setiausaha Pertubuhan
- 7.1.3 Mana-mana ahli yang tidak membayar yuran tahunan dalam tempoh **dua (2) tahun** berturut-turut akan dilucutkan keahlian secara automatik.
- 7.1.4 Mana-mana **tanggungan Ahli Pertubuhan yang sudah berkahwin** secara automatik terkeluar daripada senarai tanggungan ahli.
- 7.1.5 Keahlian yang terlucut hendaklah membayar segala yuran dan tidak boleh membuat tuntutan pemulangan wang dalam **Fasal 5 dan 6**.

8. MANFAAT

Manfaat kebajikan akan diberikan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 8.1.1 Sekiranya berlaku kematian ahli atau tanggungan ahli (**terhad kepada maksimum dua (2) kes kematian dalam tempoh satu (1) tahun**) , kadar manfaat yang layak dituntut adalah seperti berikut:

Jenazah berumur tiga (3) tahun dan ke atas : RM 1,300.00

Jenazah berumur diantara 0 tahun ke 3 tahun : RM 800.00

Jenazah janin yang gugur : RM 300.00

- 8.1.2 Sekiranya pengurusan jenazah dan pengkebumian dilakukan di luar Masjid Telok Menegon, Tanah Perkuburan Islam Bukit Badak atau Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sa'adah Kampung Johan Setia, waris adalah layak untuk mengemukakan tuntutan bayaran balik berdasarkan kaedah "**pay and claim**", tertakluk kepada had manfaat yang telah ditetapkan.

Selanjutnya, segala urusan pengkebumian di Tanah Perkuburan Islam Bukit Badak dan Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sa'adah Kampung Johan Setia adalah tertakluk sepenuhnya kepada keputusan dan pertimbangan pihak pengurusan Khairat Kematian Masjid Telok Menegon.

- 8.1.3 Sekiranya jumlah kos pengurusan jenazah dan pengkebumian melebihi kadar manfaat yang ditetapkan, baki lebihan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh waris.
- 8.1.4 Tempoh sah manfaat adalah bagi tempoh satu (1) tahun, bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.
- 8.1.5 Manfaat kebajikan hanya layak dinikmati oleh ahli yang telah menjelaskan bayaran yuran tahunan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan.

9. SYARAT TUNTUTAN BANTUAN

- 9.1.1 Bantuan diberikan kepada kematian ahli dan tanggungan ahli yang berdaftar dalam senarai rasmi yang disimpan oleh Setiausaha serta disertakan daftar kematian yang sah.
- 9.1.2 Ahli mestilah telah menjelaskan yuran tahunan.
- 9.1.3 Bantuan boleh diberikan secara ansuran, tertakluk kepada kedudukan dana pertubuhan
- 9.1.4 Jumlah bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada kemampuan dana pertubuhan dari semasa ke semasa

10. PENTADBIRAN

10.1.1 Pengerusi Lembaga Tadbir Masjid Telok Menegon dilantik menjadi Penasihat.

10.1.2 Manakala Pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang berkhidmat di Masjid Telok Menegon Klang hendaklah dilantik menjadi bagi jawatan berikut:-

1. Pengurus selaku Pengerusi
2. Penolong Pengurus selaku Timbalan Pengerusi dan Bendahari
3. Pembantu Pengurus selaku Setiausaha dan Penolong Setiausaha

10.1.3 Manakala enam (6) orang Ahli Jawatankuasa (AJK) hendaklah dilantik dalam kalangan ahli kariah yang berdaftar bagi mewakili surau kariah berikut :-

1. Surau Al-Hidayah
2. Surau Al-Muhajirin
3. Surau Madrasatur Rahmaniya
4. Surau Al-Faizin
5. Surau Al-Shuhadak
6. Surau Dato' Haji Mohd Ghazali

10.1.4 Tempoh perkhidmatan bagi setiap AJK yang dilantik dalam Fasal 10.1.3 adalah selama lima (5) tahun dari tarikh pelantikan.

10.1.5 Setiap AJK yang dilantik hendaklah berstatus warganegara Malaysia. Sekiranya berlaku perletakan jawatan, maka AJK tersebut hendaklah mencari calon pengganti yang baharu dan diputuskan dalam mesyuarat yang diadakan.

10.1.6 Mesyuarat Jawatankuasa pertubuhan ini merupakan jawatankuasa pemutus bagi setiap perkara yang melibatkan pentadbiran dan pindaan garis panduan pertubuhan ini.

11. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

11.1.1 Pengerusi, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat jawatankuasa dan mempunyai kuasa pemutus setelah dipersetujui bersama dalam mesyuarat. Selain itu, pengerusi hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran mengikut peraturan sedia ada.

11.1.2 Timbalan Pengerusi akan membantu Pengerusi menyelia urusan pentadbiran pertubuhan dan hendaklah memangku jawatan Pengerusi dan juga mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaannya.

11.1.3 Setiausaha akan menguruskan segala surat-menyurat bagi pihak pertubuhan, menyimpan segala peringatan-peringatan mesyuarat jawatankuasa, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan pertubuhan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Buku daftar ahli-ahli hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut :

Bil	Nama Ahli	No. Kad Pengenalan	Tarikh Menjadi Ahli	Umur / Tarikh Lahir	Alamat tempat tinggal	Nama-nama Tanggungan	Nama Waris
-----	-----------	--------------------	---------------------	---------------------	-----------------------	----------------------	------------

11.1.4 Bendahari adalah bertanggungjawab memungut yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- Penyata kira-kira pertengahan dan akhir tahun
- Penyata kira-kira berakhir pada 31hb Disember.
- Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa oleh Pengerusi Pertubuhan dan disahkan dalam Mesyuarat Lembaga Tadbir Masjid Telok Menegon

Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangan lebih daripada **RM 3000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja)** pada satu-satu masa dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank masjid . Selain itu, bendahari juga bertanggungjawab ke atas segala wang yang diterima dan membayar segala kos pengurusan yang berkaitan bagi pertubuhan ini.

11.1.5 Ahli Jawatankuasa biasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat pertubuhan dan membantu segala urusan yang berkaitan dengan pertubuhan.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA

- 12.1.1 Diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan boleh diadakan pada bila-bila masa, jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.
- 12.1.2 Notis dan agenda untuk mesyuarat hendaklah diedarkan sekurang - kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 12.1.3 Mesyuarat hanya sah dijalankan jika dihadiri tidak kurang dari satu pertiga jumlah ahli mesyuarat.

13. PEMECATAN JAWATANKUASA ATAU BERLAKU KEMATIAN

- 13.1.1 Pemecatan AJK dan pemilihan penggantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa boleh dilantik sebagai pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana berhenti atau meninggal dunia.
- 13.1.2 Sekiranya berlaku pemecatan jawatan ataupun kematian, Mesyuarat Jawatankuasa boleh memilih mana-mana ahli pertubuhan sebagai pengganti yang baharu mengikut tempoh lantikan yang berbaki.

14. PERKARA AM

- 14.1.1 Setiap ahli-ahli pertubuhan hendaklah diberi dengan percuma satu garis panduan pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli.
- 14.1.2 Setiap ahli pertubuhan yang ada pertanyaan dan cadangan boleh diajukan kepada pertubuhan melalui wakil-wakil yang dilantik.

15. TAFSIRAN

Mesyuarat jawatankuasa pertubuhan boleh memberi tafsiran kepada garis panduan ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam garis panduan. Keputusan Mesyuarat jawatankuasa adalah muktamad.

16. PINDAAN GARIS PANDUAN

Segala pindaan garis panduan ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat jawatankuasa pertubuhan.

LAMPIRAN A**KADAR BAYARAN PENGURUSAN JENAZAH DALAM DAN LUAR
KARIAH MASJID TELOK MENEGON KLANG**

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	<ul style="list-style-type: none">• Penggali Kubur Bukit Badak (dalam kariah)	500.00
2	<ul style="list-style-type: none">• Van Jenazah	150.00
3	<ul style="list-style-type: none">• Urusan mandi dan mengkafan• kain kafan : RM 100• papan lahat : RM 100	300.00 100.00 100.00
4	<ul style="list-style-type: none">• Saguhati imam solat,tahlil dan talqin	150.00
JUMLAH KESELURUHAN		1300.00
	<ul style="list-style-type: none">• Tanah Perkuburan Johan Setia (luar kariah)	700.00
	<ul style="list-style-type: none">• Van Jenazah	150.00
	<ul style="list-style-type: none">• Urusan mandi dan mengkafan	300.00
	<ul style="list-style-type: none">• Saguhati imam solat,tahlil dan talqin	150.00
JUMLAH KESELURUHAN		1300.00